

B543:
MAHATHIR

1976

KUANTAN, 22 OGOS (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENEGASKAN PENTINGNYA MEMAHAMI PENUH KEDUDUKAN EKONOMI DAN SOSIAL DI ASIA DALAM PERANCANGAN KEMAJUAN BELIA DI RANTAU ITU.

KATANYA, HANYA DENGAN MEMAHAMI MASAALAH DAN KEPERLUAN ASIA, HARAPAN DAN HASRATNYA, KEKUATAN SERTA KELEMAHANNYA, DAPAT DI ELAKKAN KEGAGALAN, DAN DENGAN INI, DAPAT DISUSUN RANCANGAN KEMAJUAN BELIA MENURUT KEHENDAK DAN KEUPAYAAN RANTAU ASIA.

DR. MAHATHIR TELAH BERUCAP DI PERHIMPUNAN AGUNG KEDUA MAJLIS BELIA ASIA DI BILIK GERAKAN NEGERI DI SINI.

BELIAU JUGA MENINGATKAN PARA PEMIMPIN BELIA ASIA SUPAYA LEBIH REALISTIK DAN MENGELAKKAN PERCANGGAHAN ANTARA CITA-CITA DENGAN KENYATAAN.

BELIAU MEMUJI PARA PEMIMPIN BELIA MALAYSIA KERANA DAPAT MENGIK- BANGKAN KEDUA-DUANYA DAN DENGAN INI, MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU MENJELASKAN, PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA MEMPUYAI PERANAT PENTING UNTUK MENERAJH DAN MENYUSUN GERAKAN BELIA SECARA MEMBINA, TERUTAMA BERHUBUNG DENGAN PERPINDAHAN BELIA LUAR-BANDAR KE BANDAR-BANDAR. - BERSAMBUNG 1452/HS

ES

B547

MAHATHIR @ KUANTAN

BELIAU MENGGESA DISESUAIKAN ANTARA NILAI-NILAI LUARBANDAR DENGAN NILAI DI BANDAR UNTUK MENGURANGKAN MASAALAH INI.

DR. MAHATHIR JUGA MENINGATKAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA DARI DIPERGUNAKAN OLEH BEBERAPA KUMPULAN TERTENTU UNTUK KEPENTINGAN MEREKA SENDIRI.

KATANYA, SETENGAH-SETENGAH PERTUBUHAN TELAH CUBA MEMPERGUNAKAN BEBERAPA PERTUBUHAN BELIA ANTARABANGSA.

DR. MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN TELAH DIARAH Mencari TAPAK BAGI SEKRETARIAT MAJLIS BELIA ASIA DAN MENIMBANGKAN PENUBUHAN PUSAT PENERANGAN SERANTAU DI MALAYSIA. - BERNAMA 1455/HS